



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/03/41 (HQ)

KEMPEN KESEDARAN KESELAMATAN ELEKTRIK (KKKE) PERINGKAT NEGERI KEDAH

Menyedari perlunya pendedahan terhadap penggunaan elektrik secara selamat, **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** menganjurkan Kempen Kesedaran Keselamatan Elektrik (KKKE) Peringkat negeri Kedah pada hari ini. Ia dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Negeri Kedah, Dato' Tajul Urus Mat Zain.

“Pelaksanaan kempen ini adalah sebagai usaha jangka panjang TNB untuk membantu mengurangkan kadar kemalangan elektrik akibat kecuaiian,” kata Naib Presiden (Penghantaran) TNB, Datuk Rozimi Remeli.

Kempen ini melibatkan sesi ceramah, pameran keselamatan dan acara-acara berkaitan kesedaran keselamatan elektrik.

“Apa yang dilakukan TNB merupakan Tanggungjawab Korporat kepada masyarakat agar lebih peka terhadap penggunaan tenaga elektrik yang selamat sekali gus mengelakkan kecuaiian yang boleh mengakibatkan kemalangan elektrik,” katanya dalam ucapan aluan tersebut.

Turut hadir adalah Pengarah Kawasan Suruhanjaya Tenaga Negeri Pulau Pinang, Kedah & Perlis, Ir. Md. Zakuan Ibrahim, Pengurus Besar Negeri (Kedah), Bahagian Pembahagian, Encik Zubir Hashim, dan Pengurus Negeri (Pulau Pinang), Jabatan Senggaraan Aset Bahagian Penghantaran TNB, Ir. Chan Teck Wei.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2008, seramai 10,000 orang guru dan pelajar dari 2,000 buah sekolah rendah dan menengah di seluruh Semenanjung telah terlibat dengan program KKKE ini.

Bagi negeri Kedah, seramai 200 orang pelajar dan guru pengiring daripada 25 buah sekolah menyertai kempen tersebut pada tahun ini.

Dikeluarkan di Kedah, pada 04 April 2015

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Md. Derus Bunchit 019-266 2296, atau, Maizatul Nadiah Saadon 017-381 6602, atau, Raja Mohd. Aman Shah 019-216 8687.